On the aspect of over-payment to Government officials for doing so little as the Honourable the Minister of Finance pointed out, I contend that it is the Government's responsibility to facilitate alternative employment opportunities by encouraging the establishment of private enterprises. This would eventually absorb this category of surplus skilled labour force from the Government employment.

The Government's policy to increase the taxation of timber earnings is fairly satisfactory. It is quite a known fact that only a few individuals benefit from timber extractions.

With the suspension of confrontation, it is said to note that still a heavier expenditure on Armed Forces has to be incurred in Sarawak. I said suspension, because I am not sure that confrontation is going to end for good in view of the promises of the Bangkok Accord and Djakarta Agreement, one provisions of which includes a promise of direct election in Sarawak and Sabah as soon as possible. At the moment, while the Government publicly asserts that there will be an election in August or September this year, the trend of events is suggestive of procrastination of this vital issue being decided once and for all.

Mr (Deputy) Speaker: You said just now that you are going to end in about five minutes. This is more than 20 minutes. You have taken too long. There are many Honourable Members, who would like to take part in the debate. How many minutes more would you like to speak?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: About 10 minutes.

Mr (Deputy) Speaker: No, I will not allow that. I must allow other Honourable Members to take part in the debate. You have taken more than 35 minutes. Give a chance to other Honourable Members. I will allow you another two minutes.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Coming back to the expenditure on Armed Forces, the Honourable Minister of Finance said that the task of developing and defending East Malaysia lies largely on the shoulders of West Malaysia. I would like to say that, in view of the present state of events, the massive influx of West Malaysian soldiers to Sarawak is very much unwarranted. The small contingent of Sarawak's own Field Force would be more than adequate to contain the so-called subversive activities in the State. This, if adopted would

no doubt reduce our defence expenditure considerably.

Mr Speaker, Sir, may I take this opportunity to point out to the Federal Government, which seems to still have been badly advised and informed of the true conditions in Sarawak, particularly, with regard to the domestic or local political situation there, that subversion and subversive agents or provocateurs are not necessarily confined to CCos or the TNKU. There are people, whom we called racialists or extremists, and who are at work for self-interest, for sectional aggrandisement and who have little or no respect and regard at all for the legitimate right or interest of others. These people are very affluent with their expression that they can even paint others red, if they happened to belong to another racial group or hold different political thought and adopt different approach towards the working of a happy and viable Malaysia. Thank you, Sir.

Dato' Ganie Gilong (Sabah): Tuan Yang di-Pertua, terlebeh dahulu saya juga ingin turut memberi tahniah ka-Yang Berhormat Menteri Kewangan kita atas kerja-nya kapada bangsa dan tanah ayer, terutama sakali atas kerja-nya menchari wang untok melancharkan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan luar bandar, supaya taraf hidup ra'ayat seluroh Malaysia makin sa-hari sa-makin tinggi atau lebeh baik. Tetapi, di-samping itu saya juga ingin menyentoh sadikit aspek daripada uchapan Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan Anggaran Belanjawan-nya baharu<sup>2</sup> ini. Kerana, perkara yang saya ingin kemukakan ini ada-lah mengenaï Sabah dan bukan sahaja Sabah tetapi juga kapada bumiputra Sabah, yang mana saya sa-orang daripada wakil-nya dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama sa-kali, saya ingin menyentoh chadangan 5% tax atas pendapatan perkembagan atau pun development tax dan juga atas chadangan mengenakan chukai yang berat kapada perusahaan kayu balak. Chukai perkembangan atau development tax ini ada-lah di-anggap me-

nimpa berat kapada bumiputra di-Sabah. Sa-lepas merdeka bumiputra di-Sabah akhir-nya mulaï juga mendapat peluang untok munchul ka-hadapan dalam lapangan ekonomi. Peluang<sup>2</sup> dalam perniagaan yang mana mereka tidak pernah mengambil bahagian perlahan<sup>2</sup> terbuka dahulu ada-lah untok mereka. Apa² juga pendapatan dari peluang<sup>2</sup> baharu ini, saya pertermasok dalam ada-lah gulongan yang di-katakan development tax dan akan terkena chukai tersebut. Bagi mereka, ini ada-lah menjadi bebanan yang berat dan saya tidak-lah membuat kewajipan saya dalam Dewan yang mulia ini jika saya tidak menerangkan bagaimana berat-nya bebanan baharu ini atas chukai tersebut.

Untok sa-buah negeri yang muda dan baharu mulai melangkah dalam segi pembangunan saperti negeri Sabah, apa juga chukai yang di-kenakan atas perkembangan ada-lah di-sabalek apa yang di-idam²kan oleh ra'ayat di-sana. Apa yang kita kehendak ada-lah galakan atau *incentive* untok pembangunan atau perkembangan dan bukan—dengan segala hormat kapada Yang Berhormat Menteri Kewangan—chukai yang mungkin menchegah atau pun menahan perkembangan.

Sabah, sa-bagaimana yang sudah di-terangkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah tadi, ada-lah diketahuï sa-bagai sa-buah negeri kayu balak—pendapatan wang dari pada hasil bumi ada-lah kayu balak. Walau pun chadangan untok mengenakan chukai development tax ini ada-lah dikenakan kapada seluroh Malaysia, untok orang<sup>2</sup> Sabah perasaan yang chukai ini di-tujukan kapada Sabah ada-lah tidak dapat di-elakkan. Sabagaimana Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ketahui, dan saperti yang sudah di-terangkan oleh Yang Berhomat Ketua Menteri tadi, baharu<sup>2</sup> ini Kerajaan negeri Sabah telah pun menaikkan royalty kayu balak hingga hampir<sup>2</sup> dua kali ganda daripada royalty dahulu, maka tentulah tambahan chukai ini akan menjadikan bebanan yang mungkin tidak dapat di-tanggong oleh perusahaan<sup>2</sup> kayu balak di-sana, jika di-teruskan.

Apa yang mungkin tidak di-ketahuï ada-lah semenjak merdeka, bumiputra di-Sabah telah berjaya mendapat bahagian yang sederhana dalam perusahaan kayu balak ini. Dan hari ini concession yang telah di-beri kapada bumiputra ada-lah lebeh kurang 40% daripada concession yang sudah dikeluarkan. Bumiputra di-sana memang sudah lama sedar yang mereka adalah mempunyai hak untok mengambil bahagian dalam perusahaan ini. Dan semenjak merdeka, beberapa concession telah pun di-keluarkan kapada bumiputra untok di-usahakan dengan sa-chara sharikat kerjasama negeri itu. Kebanyakan concession ini sudah di-beri kapada contractor—kita boleh panggil peratoran sa-macham ini ada-lah perniagaan "Ali Baba". Tetapi ini ada-lah perniagaan atau pun atoran yang dalam fikiran kami ada-lah halal. Bumiputra dapat lesen, mereka chari contractor yang bersedia memberi harga yang tinggi untok mengerconcession tersebut 'untok iakan mereka dan kerap-kali contractor itu bersedia pula menerima ahli<sup>2</sup> sharikat kerjasama itu untok bekerja dalam concession tersebut. Dengan jalan ini bumiputra itu dapat-lah belajar mengeluarkan dan menjualkan kayu balak itu. Sa-lepas beberapa lama, saya perchaya, mereka juga faham chara² menjalankan perniagaan mereka sendiri. Tetapi ini ada-lah mengambil masa lama sadikit untok mereka mempelajari selok-belok perniagaan ini. Dengan sebab itu dalam pandangan saya, tidak ada apa<sup>2</sup> yang harus kita segan atau malu dalam peratoran perniagaan "Ali Baba" ini.

Chadangan yang semua atau pun berapa banyak telah di-bayar atau harus di-bayar kapada sa-siapa orang yang berlesen untok mengeluarkan kayu balak tidak akan di-potong bila mengira atau compute income tax ini ada-lah bererti contractor yang sudah mengaku mengerjakan concession yang di-punyaï oleh bumiputra itu tidak-lah dapat memasokkan bayaran ini untok di-kira sa-bagai perbelanjaan perniagaan-nya. Ini ada-lah bererti yang contractor itu harus tidak terdaya lagi untok menyambongkan contract mereka. Akhir-nya bumiputra itu akan

chuba mengerjakan concession mereka itu sendiri atau mengurangkan pendapatan wang contract dalam concession mereka hingga tidak ada erti lagi mereka itu mempunyaï concession.

Saya sudah terangkan tadi yang bumiputra belum chukup pengalaman dalam selok-belok perniagaan kayu balak ini dan jika mereka chuba mengerjakan concession mereka itu sendiri kemungkinan-nya ada-lah ranchangan itu akan gagal. Ini ada-lah tidak memberi faedah kapada Kerajaan dan ada-lah mendatangkan akibah yang burok kapada bumiputra yang baharu sahaja belajar dalam perusahaan ini. Pada hal mereka juga baharu mulaï mendapat sadikit² hasil daripada hutan mereka.

Saya perchaya Kerajaan negeri Sabah ada-lah sedar yang memberi concession kapada bumiputra memang mengakibahkan apa yang di-katakan "Ali Baba" tadi, tetapi saya juga perchaya yang Kerajaan ada-lah sedar yang ini-lah satu chara yang terbaik untok bumiputra di-sini dapat me-ngambil dahagian dalam perusahaan ini. Dengan chara ini bumiputra mendapat keuntongan yang sederhana dan banyak pula yang dapat mengambil peranan penting dalam perniagaan ini yang mana akhir-nya akan membolehkan mereka itu menjalankan perusahaan daripada concession mereka itu sendiri.

Chadangan tambahan chukai, salain daripada bayaran royalty sabanyak 39 sen sa-kaki padu, ia-itu dahulu-nya 20 sen dan baharu² ini telah di-naikkan hingga menjadi 39 sen, dan chadangan 50% daripada bayaran royalty tidak boleh dipotong bila mengira income tax ini ada-lah sa-mata² boleh menchegah atau pun memberhentikan bumiputra daripada mengambil bahagian dalam perusahaan ini.

Saya dengan sa-sunggoh-nya merayu kapada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memikirkan atau menimbangkan lagi chadangan ini atas memandang apa yang saya sudah terangkan tadi. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri Kewangan bukanlah menujukan chadangan ini kapada

bumiputra melainkan sa-mata<sup>2</sup> berikhtiar menchari wang untok melancharkan ranchangan<sup>2</sup> pembangunan negara kita ini dari mana apa juga hasil-nya yang di-fikirkan boleh di-dapati. Jika anggapan saya ini benar, saya ingin menchadangkan ia-itu jalan yang paling baik menambahkan wang pembangunan ini adalah mengenakan chukai yang lebeh tinggi lagi kapada orang² yang mampu atau yang berpendapatan lebeh tinggi atau orang yang termasok dalam gulongan apa yang di-katakan higher income bracket. Dengan membuat demikian, Menteri yang berkenaan ada-lah menchukai kapada orang yang sanggup membayar—bumiputra atau pun bukan bumiputra. Tetapi bukan-lah pula mengenakan kapada orang yang berada dalam perniagaan kayu balak yang tidak sanggup membayarnya, ia-itu bumiputra.

Khabar telah pun merebak mengatakan pemasaran kayu mungkin menghadapi pertukaran yang baharu, bukan untok lebeh baik akibah daripada mula-nya pengeluaran daripada Indonesia, dan apa-tah lagi jika beban baharu atau chukai tambahan yang baharu sahaja saya sebutkan ini dijalankan, tentu-lah akan mendatangkan akibah yang tidak di-ingini dalam negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya boleh mengatakan saya sudah berchakap untok bumiputra bila saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberi pertimbangan yang lebeh lanjut lagi sa-belum menjalankan chadangan yang saya sebutkan tadi, yang mana saya ulangi, lagi, akan menimpa berat kapada bumiputra dalam perusahaan kayu balak ini—pada hal satu perusahaan kayu balak ini-lah sahaja satu perusahaan di-Sabah yang bumiputra ada mendapat sadikit keuntongan.

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menguchapkan sokongan saya kapada Menteri Kewangan kerana dapat mengadakan satu chorak Budget yang saya sifatkan satu belanjawan yang munasabah. Saya katakan bagitu ia-lah kerana usaha Kerajaan kita

dia ada-lah hendak mengenakan chukai kapada nchari wang mereka yang sa-patut-nya di-kenakan hangan<sup>2</sup> pem-chukai, di-sabalek-nya pula kita dapat ni dari mana juga mengemukakan ranchangan<sup>2</sup> kemag di-fikirkan juan hasil daripada chukai itu.

> Di-samping itu pula Kerajaan kita mengemukakan ranchangan yang dapat melindongi perusahaan<sup>2</sup> tempatan terbit daripada Budget yang kita bahathkan ini. Di-samping membahathkan Budget ini, saya menambah sadikit sa-banyak pandangan saya yang saya fikir patut saya berbuat demikian, ia-itu dengan tujuan bagi membanyakkan negara kita ini. Kalau pun shor saya ini tidak dapat di-timbangkan pada kali ini saya harap pada masa yang akan datang di-beri pertimbangan. Saya yakin dan saya perchaya dari satahun ka-satahun kita mempunyaï ranchangan raksaksa yang berjalan di-sekitar tanah ayer kita ini dan sa-harus-nya kita tidak-lah khas membayar wang yang di-belanjakan terpendam dengan bagitu sahaja, tetapi Kerajaan harus-lah memikirkan dalam apa segi dan sumbar yang boleh mendapatkan kewangan itu.

> Semenjak kita menchapai kemerdekaan, negara kita telah memberi satu perlindongan kapada perusahaan<sup>2</sup> yang besar dalam negeri ini, ia-itu dengan perlindongan taraf perintis. sekarang sampai-lah masa-nya kita memikirkan sa-mula bahawa sa-nya taraf perintis ini harus di-tarek balek. Kita memberi taraf perintis ini ia-lah dengan tujuan untok membawa pemodal luar khas-nya, atau orang yang mampu mengadakan perusahaan dalam negara kita ini, kata-nya memikirkan ketakutan kita, ka-stablean politik kita tidak tegap. Pada hari kita mempunyaï ka-stable-an politik yang tegap, ketenteraman politik dan negara luar, baik daripada blok barat mahu pun daripada blok timor. Jadi, saya fikir perlindongan taraf perintis itu harus kita tarek balek, maka daripada chukai ini kita dapat menambah lebeh banyak lagi hasil negara kita dengan tidak banyak kita menggunakan tekanan, atau himpitan, atau chukai kapada ra'ayat negeri

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana kita tahu, tujuan kita hendak memberi taraf perintis itu dahulu ia-lah berdasarkan kapada pertimbangan negara kita kapada pemodal<sup>2</sup> luar untok menanam modal dalam negeri ini. Kita bimbang pada hari pada ketika itu, pada masa itu, keadaan ekonomi kita yang telah merdeka tidak sa-imbang dengan pendapatan kita yang kita akan belanjakan, tetapi pada hari ini kita fikir ini-lah satu jalan yang baik, yang kita fikir boleh Kerajaan menghapuskan taraf perintis itu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada baik-nya kita kaji, kita mengenakan chukai pada jalan raya, sebab sekarang ini kita mengeluarkan belanja yang banyak bagi pembenaan jalan raya dan kita akuï jalan raya yang kita ada hari ini satu jalan raya yang baik dalam Asia ini. Apa salah-nya pengguna jalan raya, orang yang mempunyaï kereta yang besar, membayar chukai? Ini perkara tidak boleh kita napikan. Di-Amerika sendiri, Taiwan, di-Philippines, dia mengenakan chukai ini. Apa salah-nya negeri kita ini dengan tujuan yang hendak menampong perbelanjaan negara kita, bertujuan yang lebeh besar bagi kebajikan ra'ayat, kita kutip chukai daripada jalan?

Bagitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mengeshorkan kapada Kerajaan supaya mengenakan chukai kapada jambatan<sup>2</sup>. Itu saya fikir patut. Kita tidak hairan, kalau sa-kira-nya Kerajaan PAS sendiri sekarang ini telah mengenakan chukai kapada jambatan yang di-buat di-Kelantan, apa salahnya kita mengenakan sadikit chukai kapada pengguna jalan raya, jikalau kemudahan yang dapat daripada-nya sekarang ada lebeh senang ini daripada 10 tahun atau 5 tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dahulu kita berjalan ka-Kota Bharu, kita akan menyeberangi tujoh feri dan mengambil masa ta' kurang daripada 5 jam. Pada hari ini keadaan stability politik dan negara kita, kita dapat membelanjakan dan membuat jambatan yang baik dan sekarang sedang

kita buat kapada jambatan di-Selatan Tanah Melayu dan apa salah-nya pula kita mengambil tax daripada kereta yang pergi ka-Singapura, chukai ka-Singapura atau kereta yang masok ka-Singapura sebab kita menggunakan ini semua dengan tujuan-nya ia-lah kerana hendak menampong hasil negara kita.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kita harus mengadakan tax—harbour tax, chukai pelabohan. Tiap² sa-orang yang akan pergi ka-luar negeri dia ada mempunyaï kemampuan, apa salah-nya. Kerajaan kita mengadakan chukai pelabohan, kerana tujuan bagi kebaikan negara kita, bagi tujuan memajukan negara kita. Saya fikir tidak keberatan kalau sa-orang penumpang hendak pergi kasabuah negeri, kita kenakan tax pelabohan. Saya menyokong Kerajaan yang telah mengenakan tambahan tax kapada boarding tax kapal terbang, kerana saya fikir orang yang naik kapal terbang ini orang yang mampu, tetapi juga orang yang naik kapal laut juga sa-bahagian daripada orang yang mampu.

Saya juga menarek perhatian Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Arab Saudi mengenakan chukai saorang penaik haji lebeh kurang 275 rupiah. Apa salah-nya kita menggunakan sadikit chukai kapada penumpang kapal yang berlepas daripada negara kita ini ka-India umpama-nya, ka-China, ka-Hong Kong, ka-Amerika atau ka-England. Di-samping dia keluar mengalehkan pandangan dia keluar negeri, dia dapat sadikit memberi bantuan kapada negara kita dan duit yang kita gunakan ini ia-lah kerana kepentingan negara kita sendiri.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi pandangan saya kapada Kerajaan supaya menimbangkan chukai wang yang di-hantar keluar negeri. Banyak perusahaan² dalam negeri ini yang dapat untong yang di-hantar keluar negeri, apa salah wang itu kita chukai, kita tax? Ada beberapa banyak orang dalam negeri kita sekarang ini yang menghantar wang-nya keluar daripada negara kita, sedang dia ra'ayat negeri yang mengaku ta'at kapada negeri ini tidak berbelah bagi, O.K. awak hantar duit keluar kita ambil sadikit tax. Kita faham bahawa segi tidak boleh memutuskan perhubongan mereka itu tetapi awak sudah bejanji dan mengaku ta'at kapada negeri ini. Apa salah-nya kita chukai daripada duit yang kita hantar, saya fikir Jabatan Talikom dan bank² kita akan sedia memberikan kerjasama. Kalau orang yang bukan ra'ayat negeri ini yang dudok di-negeri ini dan dia menghantar duit balek kapada negeri asal dia kata ini-lah satu bahagian bantuan saya kapada negeri ini satelah saya menjadikan sawah kampong saya, tempat saya chari makan dan kesenangan mengenakan sadikit tax, tidak ada salah. Berpuloh<sup>2</sup> ribu duit keuntongan yang kita keluarkan sekarang ka-luar negeri daripada badan<sup>2</sup> perniagaan luar apa salah-nya duit ini kita tax, perkara ini patut di-fikirkan oleh pakar<sup>2</sup> dan Kerajaan kita sendiri. Saya fikir perkara ini tidak memberi kesan kapada badan² perniagaan itu sendiri. Jadi dengan ini kekurangan yang kita dapat hari ini kita boleh fikir berpuloh million dollars—jutaan<sup>2</sup> ringgit lagi. Jadi dengan chara yang saumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, sharikat perniagaan asing walau dimana<sup>2</sup> sa-kali pun dia akan sedia memberikan sa-suatu jikalau dia sudah dapat keuntongan daripada apa yang dia buat.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain dari-pada itu ini boleh saya fikir patut kita timbangkan sa-kali pun tidak dapat pada tahun ini, mungkin pada tahun yang akan datang. Saya tidaklah kelak akan di-tudoh oleh sa-orang Ahli Dewan ini suka menaikkan chukai, tetapi apa yang saya sebutkan tadi chukai di-kenakan kapada pehak yang lebeh berupaya, sharikat<sup>2</sup> perniagaan asing atau dalam negeri yang mengeluarkan wang-nya daripada negeri ini keluar negeri itu kita kanakan chukai. Kalau orang yang mampu berhijrah ka-negeri ini keluar mengalehkan pandangan-nya. dapatan-nya dan sa-bagai-nya ini harus kita chukai, sama ada naik kapal terbang atau kapal laut.

Saya akan di-tudoh boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua, pada tiap² tahun

5,000 orang Islam ka-Mekah maka ini akan di-kenakan chukai. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak boleh di-tudoh mengenakan ini kapada jema'ah haji sebab sharat menunaikan fardzu haji ini ada-lah di-atas keupayaan. Jadi apa salah-nya sa-telah kita mengambil haji atau akan mengambil haji, maka kita memberi derma kapada negara kita ini sa-bagai tax pelabohan, sedangkan kita sekarang berkehendakkan lebeh banyak duit beratus ribu anak² sekolah sekarang ini yang bertambah kita bagi bantuan untok pelajaran mereka itu.

Kita sekarang menghadapi perkembangan² perubahan, fikiran ra'ayat, ra'ayat di-luar bandar sekarang ini merunta dan menuntut kapada Kerajaan supaya hidup-nya sama dengan ra'ayat di-bandar. Dari mana sekarang duit boleh dapat? Dan kalau mereka menghantar wang keluar negeri atau pun sa-patut-nya bukan lagi patut, dia sudah perlu dari patut duit ini di-tax. Sa-lain daripada kita mengetahui berapa banyak duit kita telah keluar daripada tabong negara kita tetapi juga dapat menyelamatkan duit itu kapada tabong negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagai Tuan Yang di-Pertua, faham dan ma'alum saya biar-lah menyentoh soal anak<sup>2</sup> di-dalam negara kita yang sedang dalam pelajaran. Sukalah saya menyentoh dan berharap kapada Kerajaan kita menchari satu jalan agar guru<sup>2</sup> di-negeri ini tidak bersikap benchi kapada pendudok<sup>2</sup> khidmat<sup>2</sup>-nya di-luar bandar. Pada tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, ada sa-bahagian daripada guru<sup>2</sup> telah meletakkan jawatan daripada berkhidmat di-Pantai Timor yang difikirkan Pantai Timor itu satu tempat yang maseh belum terbuka, kurang kemudahan, jauh daripada tempat yang di-kehendaki oleh guru<sup>2</sup> itu dan sanggup meletakkan jawatan dan dengan tidak mengirakan kepentingan pelajaran anak bangsa kita ra'ayat dan Malaysia ini. Maka saya berharap Kerajaan mengadakan Central Board untok mentadbirkan guru2 yang dibawah U.T.S. ini supaya dapat di-laksanakan sa-berapa chepat yang boleh.

Mengikut keadaan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, memang benar sa-lepas 5 tahun guru<sup>2</sup> berkhidmat dikawasan<sup>2</sup> yang tersebut akan boleh meletakkan jawatan, boleh minta pula jawatan itu di-tempat<sup>2</sup> yang lain, umpama-nya di-kawasan bandar atau di-kawasan yang di-sukai oleh mereka itu sendiri. Yang menghairankan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah pehak Kementerian Pelajaran tidak ada pula kuasa yang boleh menchegah sa-orang guru yang sudah berhenti daripada sa-buah sekolah daripada mendapatkan jawatan di-sekolah yang lain. Saya berharap dengan ada-nya Central Board ini nanti maka Kementerian Pelajaran akan dapat-lah satu kuasa yang boleh mengerahkan guru<sup>2</sup> ini dari satu masa ka-satu masa ka-mana juga sekolah yang di-perlukan.

Mengikut keadaan sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, kawasan diluar bandar, terutama kawasan di-Pantai Timor, yang terok dan sedeh keadaan-nya. Jadi saya yakin dan saya perchaya sa-lagi masaalah ini tidak dapat di-atasi maka sa-lama itu-lah taraf atau keadaan pelajaran anak² negara kita sekarang ini, terutama dikawasan luar bandar, tidak dapat meningkat maju dengan keadaan yang lebeh baik.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengeshorkan kapada Kementerian ini, kapada Kerajaan khas-nya, supaya menjadikan perkhidmatan penting, baik dari sekolah<sup>2</sup> rendah, menengah hingga ka-tingkat yang lebeh tinggi lagi. Saya shorkan sabagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, memandang ugutan<sup>2</sup> pada masa yang akhir<sup>2</sup> ini daripada sabuah kesatuan guru<sup>2</sup> akan mogok dengan sebab masaalah² yang tidak dapat di-selesaikan berhubong dengan tuntutan<sup>2</sup> kesatuan itu sendiri. Jadi kalau sa-kira-nya perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pandangan ra'ayat negeri ini kapada guru<sup>2</sup> tetapi keadaan pelajaran anak<sup>2</sup> negeri ini akan melibatkan dan boleh-lah saya kembalikan ingatan saya, Tuan Yang di-Pertua, pemogokan itu akan berlaku di-jangkakan pada hari hampir dengan pepereksaan. Sa-bagai sipat sa-orang bekas guru, Tuan Yang di-

Pertua, saya sendiri menentang bukan sebab saya sa-orang Ahli Parlimen ini tetapi sipat sa-orang ahli pendidek, dia tidak akan melakukan sa-suatu yang merumitkan kepentingan negara lebeh lagi kepentingan mendidek anak2, tetapi oleh sebab memandangkan kapada keadaan<sup>2</sup> sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, jadi ada baik-nya perkhidmatan guru ini di-perjadikan perkhidmatan penting.

Mr (Deputy) Speaker: Dapat-kah Yang Berhomat melapangkan masa supaya sa-orang lagi Yang Berhormat dapat berchakap sa-belum saya tutup Mailis ini?

Tuan Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Tuan, yang saya boleh mengakhiri uchapan saya ini sakali pun saya ada banyak bahan<sup>2</sup> yang saya hendak uchapkan tetapi kerana Tuan menghormati saya dan saya sedia menghormati Tuan bahawa saya harap apa yang saya shorkan dalam Majlis ini, Rumah yang akan berbahagia ini, mendapat pertimbangan pada akhir-nya. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, berhubong dengan Rang Undang<sup>2</sup> Anggaran Belanjawan tahun 1967 yang sedang di-bahathkan ini, saya juga ingin bersama<sup>2</sup> mengambil bahagian untok mengemukakan beberapa pendapat yang saya fikir berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, berasa senang fikiran saya apakala selesai Yang Berhormat Menteri Kewangan memuchapan-nya mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> Anggaran Belanjawan. Senang fikiran saya ia-lah mengenaï chukai<sup>2</sup> tidak menyusahkan ra'ayat jelata dan saya bersetuju dengan pendapat wakil daripada Johor Tenggara, ia-itu ra'ayat hendak-lah di-beri faham di-beritahu bahawa barang<sup>2</sup> keperluan hari<sup>2</sup> tidak di-kenakan chukai, dan kalau harga barang naik bukan-lah di-sebabkan chukai tetapi ia-lah dengan sebab sa-tengah<sup>2</sup> gulongan perniagaan dan penjual mengambil kesempatan menchari untong vang tamak dan melebehi.

Saya sedar negeri kita ini tiap<sup>2</sup> saorang ada-lah bebas berniaga dan Kerajaan tidak akan menyekat atau mengawal harga barang<sup>2</sup> yang di-jual dengan sebab<sup>2</sup> yang tertentu. Saya shorkan kapada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, bagi menurunkan harga barang² yang di-jual dikedai<sup>2</sup> ia-itu hendak-lah segera diadakan satu Undang<sup>2</sup> menetapkan atau mengawal harga barang, satu Undang<sup>2</sup> yang mewajibkan semua gudang dan kedai<sup>2</sup> menarohkan harga tiap<sup>2</sup> barang yang di-jual pada barang² itu supaya pembeli<sup>2</sup> akan tahu harga barang dengan demikian dapat memileh kedai mana-kah yang harga-nya murah sakali. Kedai<sup>2</sup> semua-nya bergantong kapada pelanggan<sup>2</sup> dan pembeli<sup>2</sup> dan matentu berlawan menurunkan harga-nya supaya dapat banyak pelanggan<sup>2</sup> dan pembeli<sup>2</sup>. Di-dalam satu negeri yang bebas meniaga, saperti Malaysia, perlawanan di-antara penjual<sup>2</sup> sahaja-lah yang akan menurunkan harga barang<sup>2</sup> dan menurunkan peratus untong-nya. Pada sekarang kalau kitu membeli barang<sup>2</sup>, terutama barang<sup>2</sup> makanan barang<sup>2</sup> yang perlu sa-hari<sup>2</sup>, harga barang<sup>2</sup> yang di-beli itu terpulang-lah sa-mata<sup>2</sup> kapada penjual, kita tidak dapat tahu mana-kah satu kedai yang harga barang<sup>2</sup>-nya itu berpatutan dan yang mengambil untong sadikit sahaja.

Dalam Undang² itu hendak-lah diberi kuat kuasa menghukum penjual² dan tuan² kedai yang tidak membuboh harga barang²-nya dengan terang dan nyata pada barang² itu. Sa-lagi Undang² tidak di-buat sa-lagi itu-lah pembeli², terutama kaum² ibu, terpedaya oleh genggaman penjual² yang tidak bertanggong jawab dan bertimbang rasa.

Berkenaan dengan chukai pula, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarek hati kapada kebijaksanaan Yang Berhomat Menteri Kewangan atas polisi atau dasar-nya berkenaan dengan chukai kayu balak yang di-kenakan 10% atas harga-nya sa-kiranya di-exportkan keluar negeri. Sunggoh pun langkah-nya itu akan mengecham perusahaan 100 buah kilang kayu dan kilang veneer di-Singapura dan boleh mendatangkan

penganggoran di-negeri tetangga kita tetapi sa-balek-nya pula perusahaan kilang<sup>2</sup> akan lebeh banyak di-dirikan di-Malaysia Barat dan kayu<sup>2</sup> yang keluar dari kilang kelak terus di-jual keluar negeri dari pelabohan kita. Dengan yang demikian lebeh banyak orang kita mendapat kerja. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mesti berjaga<sup>2</sup> tentang akibat chukai atas export kayu balak. Yang Pertama, ialah ada-kah chukai 10% itu boleh mendorong pemodal<sup>2</sup> menanam modal mengadakan kilang² baru dengan sudah ada sedia chukai pembangunan modal 5%. Di-Singapura, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada chukai 5% ini. Dengan yang demikian saya chadangkan sama ada di-naikkan chukai kayu balak 15% atau kilang² kayu hendaklah di-kechualikan daripada chukai pembangunan modal 5% itu.

Akibah yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kapada pembalak<sup>2</sup> yang ada lesen kayu kechil yang sa-lama ini tiada kilang dan sa-mata<sup>2</sup> menjual bulat<sup>2</sup> ka-Singapura, balak kayu terutama-nya datang daripada negeri Johor dan Pahang. Kalau Singapura balak<sup>2</sup>-nya membeli tidak mahu kerana mahal 10% maka terpaksa pelesen yang tiada kilang ini menjual juga ka-Singapura dengan 10% lebeh murah daripada biasa atau mereka terpaksa menjual di-kilang² yang ada di-Johor dengan harga mengikut kehendak tuan² kilang kayu itu.

Saya harap Kerajaan menganjorkan pelesen<sup>2</sup> kechil ini mengadakan satu persatuan atau kerjasama atau berkongsi membangunkan kilang<sup>2</sup> kayu dengan mendapat bantuan modal daripada Kerajaan saperti MARA. Kalau tidak hilang peluang kita hendak menambah pekerja, boleh jadi menambah penganggoran. Kita mesti menjaga kepentingan negeri kita tetapi kalau pekerja<sup>2</sup> kilang kayu di-Singapura menganggor dan di-Johor pula dia buka kilang² kayu maka polisi Kerajaan akan sia<sup>2</sup> kalau pekerja<sup>2</sup> dari Singapura di-benarkan masok bekerja di-Johor atau di-Malaysia.

Bagaimana keadaan sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, sekatan mesti di-buat untok menjaga kepentingan

ra'ayat negeri ini, kerana ini ada-lah amanah ra'ayat kapada kita yang memerentah, kita tidak mahu di-kata ra'ayat kita, polisi Kerajaan kita ini ia-lah "Anak di-rumah kelaparan, kera di-hutan di-beri susu". Ini ada-lah kali yang kedua saya mendesak Kerajaan suroh mengadakan Undang<sup>2</sup> sekatan kapada orang² yang bukan warga-negara supaya jangan bekerja dinegeri ini melainkan dengan sebab<sup>2</sup> yang tertentu, dengan kebenaran Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, kalau negara kita bersempadan dengan negara lain dan polisi negeri itu menyekat dan kita tidak menyekat, kita akan tenggelam akhir-nya dengan penganggoran. Sekarang penganggoran bukan berkurang, bertambah dari satahun ka-satahun.

Yang Berhormat wakil daripada Ipoh, Tuan Yang di-Pertua, telah juga menyatakan dalam negeri kita ini kurang Mahkamah, kurang Pengadil dan dengan sebab yang demikian permengambil bicharaan masa sangat lanjut hingga sa-tahun dua, kalau pencharian chukup lewat sudah tentu saksi² telah lupa dan ada yang telah mati pula. Kalau ini betul berlaku, Tuan Yang di-Pertua, keadilan tentu terganggu, di-bandar<sup>2</sup> terutama-nya di-Kuala Lumpur semenjak merdeka telah bertambah besar, bertambah pendudok dan perniagaan dan kes² jenayah dan civil bertambah<sup>2</sup> juga tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bangunan Mahkamah Pengadil<sup>2</sup> tidak bertambah. sahaja-lah di-Ibu Kota kita ini, yang saya tahu ia-itu kalau ada satu kes baru sa-kurang<sup>2</sup>-nya lapan bulan baru dapat di-mulakan perbicharaan-nya.

Pada pendapat saya Kementerian Keadilan patut-nya segara di-tambah pegawai<sup>2</sup>-nya bukan-nya di-kurangkan. Sa-lagi orang<sup>2</sup> yang melanggar Undang<sup>2</sup> ini tidak di-segera dapat di-bicharakan dan mana yang salah di-hukum dengan segera dan adil sa-lagi itu-lah sa-tengah<sup>2</sup> orang tidak akan menghiraukan Undang<sup>2</sup> yang telah banyak Dewan ini meluluskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Dewan ini berhubong dengan soalan saya yang baru<sup>2</sup> ini berkenaan dengan pindaan Undang<sup>2</sup> Pemeliharaan Isteri<sup>2</sup> dan Anak<sup>2</sup> tahun 1950. Saya sedar Undang<sup>2</sup> itu ada-lah di-dalam kuasa Kerajaan Pusat kerana Undang<sup>2</sup> itu mena'alok orang<sup>2</sup> yang bukan Islam. Bagi orang Islam pula mereka ada-lah terta'alok di-bawah Undang<sup>2</sup> negeri masing<sup>2</sup> dan di-bicharakan di-Mahkamah Shari'ah. Sa-kira-nya Kerajaan Pusat mengambil tindakan atas shor saya dan meminda Undang<sup>2</sup> Memelihara Isteri dan Anak<sup>2</sup> tahun 1950 itu, maka saya perchaya Kerajaan<sup>2</sup> Negeri, dan saya harap Kerajaan<sup>2</sup> Negeri kelak, akan mengikuti jejak langkah Kerajaan Persekutuan dan akan meminda Undang<sup>2</sup> Shari'ah dengan memberi kuasa ka-Mahkamah<sup>2</sup> Shari'ah pada merentahkan suami membayar nafkah isteri atau anak2-nya terus kapada Mahkamah dengan memerentahkan majikan memotong gaji suami itu supaya di-hantar terus ka-Mahkamah.

Sa-kira-nya Kerajaan Pusat menubohkan jawatan-kuasa atau Lembaga Penasihat Ugama bagaimana yang dichadangkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri itu. maka saya harap Lembaga itu tidak akan lupa menasihatkan Kerajaan Negeri dan Raja<sup>2</sup> atas chadangan saya yang Dengan demikian-lah baharu-lah isteri<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup> daripada kaum Muslimin mendapat faedah daripada chadangan saya yang telah saya kemukakan di-dalam soalan yang lalu itu.

Tuan Yang di-Pertua, Undang<sup>2</sup> ini di-buat masa penjajah dahulu yang dengan itu sudah sampai masa-nya diubah, di-pinda dan di-perbaiki supaya sesuai dengan keadaan dan kemajuan negeri kita ini. Kerap kali kita mendengar isteri2 dan anak2 menderita apakala di-tinggal atau di-cherai oleh suami2 dengan sebab amat sukar mendapat nafkah dari suami sunggoh pun mereka di-perentah oleh Mahkamah membayar-nya. Saya membawa per-kara kebajikan dan kebaikan kaum wanita ini dan anak<sup>2</sup> bagi negeri ini ia-lah dengan sebab memandang kaum wanita negeri ini ada-lah sa-bahagian daripada ra'ayat dan bersama<sup>2</sup> menuntut kemerdekaan bertanggong-jawab

bersama terhadap negara. Dari itu sapatut-lah Kerajaan tidak lupa membaiki taraf dan faedah kaum wanita di-sambil memerentah dan menjalan-kan pentadbiran, mithal-nya dengan sebab lewat perlaksanaan tuntutan gaji sama bagi kaum wanita maka sekarang Kerajaan telah berkurangan wang dan berchadang hendak memotong gaji kakitangan Kerajaan. Dengan itu saya harap Kerajaan tidak akan menukarkan janji-nya itu, janji bersetuju menerima tuntutan pada dasarnya untok memberi gaji sama itu. Terima kaseh.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah): Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, banyak ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat baik bagi pehak Pembangkang mahu pun pehak Kerajaan, telah menyatakan kebimbangan mereka atas beberapa chadangan² yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Bagi pehak saya, saya rasa chadangan hendak mengurangkan kakitangan Kerajaan sangat-lah tidak menasabah tingkat ini terutama sa-kali terhadap Malaysia Timor. Kedua<sup>2</sup> buah negeri dalam Malaysia Timor baharu sahaja memasoki Malaysia sa-lama tiga tahun sa-bagaimana di-ketahuï oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, kedua<sup>2</sup> buah negeri itu ada-lah kekurangan kakitangan<sup>2</sup> untok menjalankan, bukan sahaja pembangunan<sup>2</sup> di-bawah perusahaan Ranchangan Malaysia tetapi juga menjalankan pentadbiran biasa dalam negeri. Kedua<sup>2</sup> buah negeri di-Malaysia Timor tidak boleh di-samakan dengan mana<sup>2</sup> negeri di-Malaysia Barat yang lebeh maju dalam hampir segala lapangan daripada kami semua, sedangkan di-Malaysia Barat sendiri pun kakitangan<sup>2</sup> yang pakar di-dalam lapangan yang tertentu sangat-lah berkurangan, jangan lagi di-Malaysia Timor. Kedua<sup>2</sup> buah Kerajaan Negeri di-Malaysia Timor sedang meranchang untok menggantikan pegawai<sup>2</sup> dagang dengan pegawai<sup>2</sup> tempatan tetapi chadangan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan akan merosakkan ranchangan ini dan akan menambah bilangan pendudok² yang tidak mempunyaï kerja. Saya harap pehak Bapa Malaysia kita akan menggunakan kekuasaannya membatalkan chadangan Menteri Kewangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Sabah bersetuju masok dalam Persekutuan Malaysia, ra'ayat Sabah telah berharap ia-itu di-dalam Malaysia mereka akan mendapat kema'amoran dan kebahagiaan dengan beransor<sup>2</sup>. Mereka juga berharap mereka akan mendapat simpati yang lebeh daripada Kerajaan yang di-pileh oleh mereka sendiri. Dalam masa tiga tahun yang lepas, mereka telah mendengar dan ada juga yang telah menekmati ranchangan² yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Bagaimana pun taraf kehidupan mereka maseh rendah. Harga<sup>2</sup> barang di-Sabah lebeh mahal daripada harga<sup>2</sup> barang di-mana<sup>2</sup> negeri di-Malaysia Barat atau pun di-Sarawak. Banyak pekerja<sup>2</sup> di-Sabah makan gaji sa-bagai pembalak. Kerajaan Negeri sedang meranchang untok menggalakkan penubohan industry<sup>2</sup> kayu kavan di-negeri itu. Kerajaan Negeri juga telah membuat ranchangan memberi kesempatan dan pertolongan serta petunjok<sup>2</sup> bagaimana hasil<sup>2</sup> hutan boleh di-nekmati oleh ra'ayat negeri Sabah terutama sa-kali bumiputra. Saya sangat berdukachita di-tingkat ini, di-mana ranchangan<sup>2</sup> sedang baharu mula akan di-nekmati, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengambil keputusan dengan tidak berunding dengan Kerajaan Negeri Sabah terlebeh dahulu untok mengenakan chukai kapada 50% atas royalty kayu hendak di-bayar kapada Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menentang dengan sa-keras<sup>2</sup>-nya chadangan ini. Saya rasa chadangan ini ada-lah mendatangkan akibat yang susah kapembalak<sup>2</sup> yang kechil dipada negeri Sabah, dan juga menyekat perkembangan perusahaan kayu-kayan baharu sahaja di-ranchang dalam negeri itu. Apa yang saya tidak mengerti ia-lah royalty itu ada-lah dibayar kapada Kerajaan Negeri. Dalam fahaman saya tidak-lah patut wang yang di-beri kapada Kerajaan Negeri sa-bagai royalty itu di-kenakan bayaran chukai. Saya berchakap bukan

sahaja atas fahaman saya sendiri, saya ketahui bahawa seluroh Kerajaan Negeri Sabah dan juga semua wakil<sup>2</sup> ra'ayat daripada Sabah menentang chadangan ini. Saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan menimbangkan sa-mula supaya menarek balek chadangan ini. Chukai royalty di-Sabah baharu sahaja di-naikkan berlipat<sup>2</sup> kali ganda oleh Kerajaan Negeri, dan sekarang Menteri Kewangan pula mengenakan chukai yang lebeh lagi ka-atas ini. Ini adalah bererti ia-itu "Sudah pun jatoh ditimpa tangga" lagi.

Saya merayu kapada Menteri Kewangan supaya mengadakan perbin-Kerajaan Negeri dengan changan Sabah dan mengkaji sa-dalam<sup>2</sup>-nya kedudokan dalam Negeri Sabah dalam masaalah ini sa-belum mengenakan chukai yang di-chadang oleh beliau Nampak-nya Yang Berhormat Menteri Kewangan sangat chepat sakali untok menjalankan chadangan "harmonisation" beliau tetapi apabila mengeluarkan wang untok pembangunan, maka beliau ada-lah sabagai sa-buah kunchi yale. Saya per-chaya Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tidak mengetahui dengan sa-dalam<sup>2</sup>-nya keadaan dalam Negeri Sabah dan keadaan kehidupan orang<sup>2</sup> di-sana. Beliau chuma sangka bahawa oleh kerana harga kayu ada-lah tinggi dan oleh kerana kayu pada masa ini banyak di-export keluar negeri oleh berpendapat Sabah, maka beliau semua orang di-Sabah itu senang linang dan kaya.

Kami sedar ia-itu Kerajaan mesti mengenakan chukai tetapi jangan-lah chukai itu di-kenakan jika ia-nya akan mendatangkan akibat yang burok kapada ra'ayat dalam negeri dan kapada ranchangan perusahaan dalam negeri. Apa-kah sebab beliau tidak mengenakan chukai kapada tractor² dan jentera² yang lain yang di-gunakan bukan sahaja untok pembangunan tetapi juga sa-bagai "investment" dalam negeri.

Harus juga Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawab bahawa kami daripada Sabah chuma mahu kapada bantuan wang sahaja daripada Kerajaan Pusat tetapi enggan memikul bebanan pembangunan negara. Di-sini saya suka menerangkan ia-itu jika di-kaji dengan teliti-nya ra'ayat Sabah akan membayar sa-banyak \$1.89 per capita berbanding dengan \$1.30 per capita yang akan di-bayar oleh pendudok² Malaysia Barat dan 58 sen sahaja per capita yang akan di-bayar oleh pendudok² di-Sarawak terhadap chadangan chukai yang baharu ini.

Akhir-nya, sa-kali lagi saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbang sa-mula dan bersimpati kapada pendudok² sakalian-nya.

Sekian, terima kaseh.

**Mr (Deputy) Speaker:** Persidangan ini di-tanggohkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Adjourned at 6.30 p.m.

# WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

# MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

#### Cocoa Cultivation

1. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Agriculture and Co-operatives what progress has been made to plant cocoa to further diversify peasant cash-crop agriculture, giving the total acreage under cocoa cultivation, and the number of peasants involved.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Research and investigations on the breeding, selection and crop management studies on cocoa are being carried out by the Ministry of Agriculture and Cooperatives in so far as manpower and financial resources permit. Under adequate management proper and practices, the prospects of cocoa as a crop for agricultural diversification are encouraging in West Malaysia on certain good soils.

Compared with other economic crops, cocoa cannot be regarded as an easy crop to grow for profit under small-holding conditions since this crop requires a high degree of management and processing skills. Also, in view of the problem of the cocoa dieback disease which is still under investigation, the Ministry does not consider it appropriate, at present, to recommend cocoa as a crop for agricultural diversification among the smallholders in West Malaysia.

The Ministry is not aware of any economic cocoa unit owned by small-holders. A few scattered plants may be seen growing among smallholdings. The sum total of such scattered plants is estimated to amount to 60 acres. The total acreage for West Malaysia is 2,498 acres of which 1,135 acres are owned by an estate in Trengganu and 1,188 acres by another estate in Perak as undercropping with coconuts.

The balance is planted by the Division of Agriculture for investigational purposes.

### Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955

2. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Agriculture and Co-operatives whether the Government has finally completed its study on the question of revising the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, and to state what is the Government's decision on the matter.

Tuan Haji Mohd. Ghazali: The Committee of officials set up by the Ministry of Agriculture and Cooperatives to look into the need for amending the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, has already obtained and studied the views of all the States.

The Committee has accordingly taken up the various proposals for amendments with Peguam Negara for vetting and redrafting purposes. It is hoped that the Amendment to the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, will be tabled at the next sitting of Parliament.

#### **Farms**

3. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Agriculture and Co-operatives how many farms in the country, involving what acreage, require rehabilitation, if they are to become economically profitable farms.

Tuan Haji Mohd. Ghazali: There are about 550,000 small farms with a total acreage of 3,879,000 acres and classified as follows:

Cultivation			Farms	Acreage
Rubber	•••		250,000	2,293,000
Coconut	•••		100,000	437,000
Padi	•••	•••	150,000	806,000
Fruits and	mixed c	rops	50,000	343,000
			550,000	3,879,000

#### Cultivated Land in West Malaysia

**4. Tuan C. V. Devan Nair** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives the total acreage of cultivated land in West Malaysia not under plantation crops, and to state what percentage of this acreage is owned by absentee landlords.

**Tuan Haji Mohd. Ghazali:** The total cultivated land in West Malaysia not under plantation crops is 3,879,000 acres and about 5% is owned by absentee landlords.

#### Peasants in West Malaysia

**5. Tuan C. V. Devan Nair** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives the total number of peasants in West Malaysia, and what percentage of them do not own their own land.

Tuan Haji Mohd. Ghazali: The total number of peasants in West Malaysia is estimated at 550,000 and 15% of them do not own their own land.

#### Loans to Ex-Special Constables

**6. Dr Tan Chee Khoon** asks the Minister of Agriculture and Co-operatives to state if he is aware that the loans to Ex-Special Constables at the end of 1964, stood at \$1,031,047.34 of which \$930,311.00 was long over due for refund and that the cost of administering the collection of these loans was \$349,677 in 1964; and if so, what action he has taken to rectify this scandalous state of affairs.

Tuan Haji Mohd. Ghazali: I am aware of the state of affairs. Recovery of the loans from these Ex-Special Constables has been a slow process due to many setback on the part of the loanees who are mostly rubber tappers and fishermen. Nevertheless a substantial amount had been recovered since the beginning of the scheme. Of the total loan of \$7,248,645 given out \$6,218,263.66 had been repaid including remissions or write-off due to deaths or other misfortunes. In order to reduce

the cost of administration, action has been taken from time to time to reduce the establishment. Since 1961, one division I post, 2 division II posts and 13 division III posts have been abolished and further reduction will be made this year.

#### Co-operative Shops

7. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Agriculture and Co-operatives if he is aware that the loans to Government sponsored Co-operative Shops as at December, 1964 stood at \$333,451.88, and if so, how much has been recovered since December, 1964, and what further action he proposes to take to recover the balance.

